



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

12 Mar 2021 (Jumaat)

Berita Harian

Kilang papan haram operasi lebih 20 tahun dirobohkan 1

Utusan Malaysia

JAIS, PDRM kerjasam kesan Muhammad Sajjad 2

Program MAIS pikat pelancong peluk Islam 3

Ramai ibu bapa bersyukur BAP masih diteruskan 4

Harian Metro

Hari ke 6 kes bawah 2k 5

7 motosikal ubah suai ekzos disita 6

Pencerobohan dua dekad 7

Kosmo

'Kehilangan' Nur Sajat cetus misteri 8

Kilang papan 'degil' dirobohkan 9

20 peluk Islam lepas lawat PIIMAS 10

Sinar Harian

Kilang papan beroperasi secara haram diroboh 11

The Sun

Plans for RM1.3b mixed project on Section 13 PJ land 12

China Press

The government is urged to set up tourism data bank, to strengthen government-civilian cooperation and share unified information 13

Sin Chew Daily

Illegal wood factory finally dismantled after operating on government land for over 20 years 14

Nanyang Siang Pau

Occupying government land for more than 20 years and ignoring the warning, enforcement team razed illegal slab factory 15

Two-way communication promotes investment 16

Oriental Daily

Cooperate with Umno, start from MCA 17

Guang Ming Daily

A 20 years of illegal wood mills is razed, was found polluting the environment, but ignore warnings 18



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Kilang papan haram operasi lebih 20 tahun dirobuhkan
Muka Surat	:	23

Kilang papan haram operasi lebih 20 tahun dirobuhkan

Pelabuhan Klang: Sebuah kilang papan yang beroperasi sejak lebih 20 tahun lalu di atas tanah milik kerajaan di Jalan Jeti dekat sini, akhirnya dirobuhkan menerusi operasi bersepadu, semalam.

Operasi diketuai Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang, turut dibantu Majlis Perbandaran Klang (MPK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Air Selangor dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Penolong Pegawai Daerah (Teknikal dan Penguatkuasaan), Saiful Azri Mohd Fouzi, berkata pihaknya menerima aduan daripada penduduk Taman Telok Gedung Indah berhubung aktiviti pembuangan sampah secara haram, pencemaran sungai dan bau di tanah terbabit pada November 2018.

"Siasatan mendapati ada kesan tapak pelupusan sampah lama, struktur binaan stor, rumah pekerja dan kilang papan turut dibina tanpa kebenaran.

"Justeru, Pentadbir Tanah Klang mengeluarkan Notis Amaran Penceroohan Tanah Kerajaan bagi kesalahan mengikut Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah Negara 1965 sebanyak tiga kali.

"Notis dikeluarkan pada 4 Disember 2018, 15 Januari 2019 dan 3 Februari lalu kepada pemilik struktur supaya mengosongkan tapak.

"Keluasan tanah yang diceroboh sekitar 4,418.8 meter persegi yang membabitkan binaan kilang papan, stor barang, rumah pekerja dan pondok sembahsan (shrine)," katanya ketika ditemui.

Saiful Azri berkata, beberapa siri perbincangan sudah diatur Pentadbir Tanah Klang dengan pengusaha sejak 2018 bagi memberi ruang kepada pemilik struktur untuk mengosongkan tapak kerana kedudukan kilang itu bercanggah dengan pelan Rancangan Tempatan (RT) MPK, iaitu sebagai kawasan perumahan.

"Tiada sebarang kebenaran pembinaan kilang boleh diberikan. Susulan itu, Pentadbir Tanah Klang mengeluarkan notis peringatan terakhir pada 3 Februari dengan tempoh 14 hari untuk pemilik mengosongkan tanah berkenaan.

"Namun, pemilik struktur ingkar dan enggan mengosongkan tapak, justeru membawa kepada pelaksanaan operasi ini.

"Pemilik juga berdepan tindakan kompaun oleh Pentadbir Tanah Klang," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	JAIS, PDRM kerjasama kesan Muhammad Sajjad
Muka Surat	:	10

JAIS, PDRM kerjasama kesan Muhammad Sajjad

SHAH ALAM: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengesan usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruzzaman atau dikenali sebagai Sajad.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, pihaknya difahamkan isu berhubung kerjasama antara kedua-dua pihak itu telah diselesaikan semalam.

"Ini dibuat supaya tindakan teratur mengikut prosedur mahkamah.

"JAIS sentiasa bekerjasama rapat dengan PDRM untuk menge-

san Muhammad Sajjad. Saya berharap dia (Muhammad Sajjad) memberi kerjasama kepada JAIS untuk bertemu dan berbincang bagi kebaikan bersama," katanya.

Terdahulu, sumber berkata, Muhammad Sajjad terus mendiamkan diri dengan tidak memaklumkan apa-apa kepada sesiapa.

Jelas sumber, dia difahamkan Muhammad Sajjad juga tidak menghubungi ibu bapanya sejak waran tangkap terhadapnya dikeluarkan Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam.

"Saya juga difahamkan dia langsung tidak menghubungi peguamnya dan kali terakhir pada hari dia menyerahkan sijil cuti sakit (MC) yang diperolehi dari-

pada kerajaan selama dua hari," ujarnya.

Baru-baru ini, JAIS memberikan arahan kepada penguatkuasanya untuk mengesan dan menahan Muhammad Sajjad bagi dibawa ke mahkamah.

Pemburuan terhadap Muhammad Sajjad, 36, susulan waran tangkap dikeluarkan terhadapnya minggu lalu kerana kegagalannya hadir ke Mahkamah Syariah pada 22 Februari lalu.

Waran tangkap terhadap Muhammad Sajjad itu dikeluarkan Hakim Syarie, Mohammad Khalid Shaei@Shaii susulan pertuduhan terhadapnya iaitu berpakaian seperti wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

SAJJAD





KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Program MAIS pikat pelancong peluk Islam
Muka Surat	:	31

Program MAIS pikat pelancong peluk Islam

SHAH ALAM: Program yang dianjurkan Pusat Informasi Islam Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (PIIM) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini bukan sahaja bermaklumat tetapi berjaya menarik pelancong memeluk Islam.

Program tersebut malah berjaya mencapai objektif penubuhannya apabila seramai 20 individu memeluk Islam di pusat itu sejak dua tahun lalu.

Kesemua individu termasuk enam pelancong asing itu melafazkan kalimah syahadah selepas tertarik dengan keindahan Islam secara visual dan infografik yang disediakan PIIM.

Pengarah Pembangunan Sosial MAIS, Suhaimi Ismail berkata, pusat itu sudah menerima kehadiran seramai 14,450 pelancong asing sejak mula beroperasi pada 2016.

Katanya, daripada jumlah itu, kira-kira 70 peratus terdiri daripada pengunjung bukan Islam yang rata-ratanya pelancong Jepun, China, Taiwan dan Amerika Syarikat (AS).

"Alhamdulillah, usaha PIIM untuk menyebarkan ajaran dan syiar Islam diterima baik apabila enam pelancong luar negara yang memeluk Islam sejurus menyertai lawatan disediakan.

"Seramai 14 penduduk tempatan terdiri daripada pelbagai kaum atau agama turut

melafazkan syahadah di pusat berkenaan," katanya pada sidang akhbar di PIIM semalam yang turut dihadiri Koordinator PIIM, Zawiyah Hashim.

Dalam pada itu, jelas Suhaimi, pihaknya melantik Islamic Outreach ABIM Centre (IOAC) untuk menguruskan pusat itu termasuk proses pengislaman saudara baharu berkenaan.

"Selepas melafazkan syahadah, kesemua warga tempatan akan dirujuk kepada MAIS untuk proses pendaftaran. Bagi pelancong asing, mereka dinasihatkan mendaftar agama baharu dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam di negara masing-masing.

"Pusat ini juga bertujuan menangani Islamophobia dan mengurangkan salah tanggapan terhadap Islam. Selain sesi lawatan, aktiviti yang dilaksanakan antaranya soal jawab mengenai Islam, diskusi ilmiah, majlis syahadah, kelas al-Quran dan Bahasa Arab.

"Pusat yang dibuka secara percuma ini beroperasi pada setiap hari kecuali cuti umum bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang," katanya.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai PIIM boleh melayari laman Facebook (FB) MAIS Islamic Information atau menghubungi Koordinator PIIM di talian **011-61892146** atau **013-394 2736**.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ramai ibu bapa bersyukur BAP masih diteruskan
Muka Surat	:	31

Ramai ibu bapa bersyukur BAP masih diteruskan

PUTRAJAYA: Biarpun jumlah di-beri mungkin tampak kecil, namun bagi ibu bapa yang berpen-
dapatan rendah B40, Bantuan
Awal Persekolahan (BAP) amat
besar maknanya.

Tinjauan *Utusan Malaysia*
mendapati, sebahagian besar
daripada mereka turut meluahkan
perasaan bersyukur meski-
pun nilainya itu hanya RM100
bagi setiap orang murid.

Salah seorang bapa, **Abdul
Hakim Abdul Rani**, 40, berka-
ta, dia berasa gembira apabila
skim BAP itu tetap diteruskan
Kementerian Pendidikan pada
musim persekolahan tahun
ini.

"Alhamdulillah, masih lagi
dapat dan saya terharu disena-

raikan pihak sekolah sebagai
layak terima sumbangan itu
untuk awal tahun ini," katanya
yang menetap di Petaling Jaya,
Selangor.

Dia yang bertugas sepenuh
masa sebagai penghantar ma-
kanan secara panggilan itu
mempunyai dua anak masing-
masing di Tingkatan 1 dan 5 di
sebuah sekolah menengah di
Kelana Jaya.

BAP diperkenalkan kerajaan
Barisan Nasional pada 2012 lalu
ketika Tan Sri Muhyiddin Yasin
menjadi Menteri Pendidikan,
malah diteruskan oleh Pakatan
Harapan dan Perikatan Nasional.

Inisiatif secara *one-off* itu
diberi kepada murid wargane-
gara di sekolah rendah dan me-



ABDUL HAKIM ABDUL RANI

nengah dari kalangan keluarga
berpendapatan isi rumah kasar

RM3,000 ke bawah.

Bantuan wang tunai berk-
enaan diserahkan terus kepada
ibu bapa yang dikenal pasti di
kaunter pejabat sekolah den-
gan kelazimannya disampaikan
pada awal sesi persekolahan
dibuka.

Turut sependapat ialah ibu
tunggal, **Roselina Sulaiman**,
49, yang menetap di Chenor,
Pahang setelah suaminya, se-
orang mekanik meninggal dunia
akibat penyakit beberapa tahun
lalu.

"Syukur dan rasa terharu
masih dalam senarai pihak se-
kolah untuk mendapat BAP,"
katanya yang bekerja kampung
serta memiliki tiga anak masing-
masing di Tahun 4, 6 dan Ting-

katan 4.

Begitu juga seorang asnaf
Lembaga Zakat Selangor, **Mazli-
na Md. Alias**, 44, yang berterima
kasih kepada kerajaan kerana
meneruskan skim berkenaan
kepada ramai keluarga miskin.

Katanya, sumbangan itu wa-
laupun kecil, namun dapat me-
ringankan beban kewangan ke-
luarga apatah lagi pendapatan
suaminya yang cuma bertugas
sebagai pengawal keselamatan
juga tidak tinggi.

"Boleh digunakan untuk pel-
bagai perkara terutama membe-
li barangan persekolahan anak,"
katanya tinggal di Bangi, Selan-
gor dan mempunyai dua anak
yang belajar di sekolah menen-
gah.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Hari ke 6 kes bawah 2k
Muka Surat	:	9

Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Hari ke-6 kes bawah 2k

Kuala Lumpur

1,647 jangkitan baharu dicatatkan dengan Selangor rekod kes harian tertinggi

Malaysia merekodkan bawah 2,000 kes positif Covid-19 selama enam hari berturut-turut dengan 1,647 kes baharu dicatatkan semalam.

Malah, jumlah kes sem-buh juga lebih tinggi iaitu 2,104 kes, menjadikan ju-

mlah keseluruhan kes sem-buh sebanyak 300,620.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu positif membabitkan 1,642 kes tempatan dan lima kes import dengan jumlah keseluruhan kes dalam negara sebanyak

319,364.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 712 kes membabitkan 619 kes daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti Johor sebanyak 170 kes dan Pulau Pi-

nanj sebanyak 169 kes," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 116 kes atau tujuh peratus yang dilaporkan adalah berkaitan kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster DTI Ma-

chap Umboo (67); Kluster Tembok Tapah (38); Kluster Tembok Mempaga (5); Kluster Penjara Jalan Harapan (3); Kluster DTI Persiaran Wawasan (2) dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (satu kes).

Beliau berkata, sembilan kes kematian dicatatkan se-

malam dan semuanya membabitkan warganegara dengan jumlah keseluruhan 1,200 kes.

"Empat kematian direkodkan di Selangor; dua kes di Johor dan masing-masing satu di Perak, Kelantan, serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya.



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	7 motosikal ubah suai ekzos disita
Muka Surat	:	13

7 motosikal ubah suai ekzos disita

Ampang: Tujuh motosikal disita selepas didapati membuat pengubahsuaian ekzos dalam Operasi Khas Kesalahan Bunyi Bising di Jalan Ampang di sini, semalam.

Operasi bersepadu yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Alam Sekitar (Jas) dijalankan selama tiga jam bermula 9 pagi.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Superintendan Mohd Azam Ismail berkata, operasi dilakukan bagi mengesan kenderaan yang melakukan pengubahsuaian ekzos dan kesalahan lalu lintas lain.

"Sebanyak 92 saman dikeluarkan membabitkan 101 kesalahan trafik termasuk dua waran tangkap.

"Dari-pada jumlah itu, sebanyak tu-

juh motosikal disita bagi tujuan ujian pengesanan bunyi bising oleh pihak Jas," katanya ketika menyertai operasi berkenaan, semalam.

Selain itu, Mohd Azam berkata, seramai tujuh lelaki berusia antara 20 hingga 60 tahun ditahan kerana didapati positif dadah jenis methamphetamine dan opiate manakala 67 notis kesalahan dikeluarkan JPJ.

Beliau berkata, sepanjang operasi yang bermula 1 Mac sehingga semalam pihaknya sudah mengeluarkan 1,406 saman membabitkan 1,586 kesalahan trafik termasuk 134 mengubah suai ekzos.

Beliau berkata, bagi tempoh sama juga seramai tiga individu ditahan kerana memiliki waran tangkap

atas kesalahan trafik manakala tujuh individu ditahan atas kesalahan dadah dan JPJ mengeluarkan 55 notis.

**Sebanyak
92 saman dikeluarkan
membabitkan 101
kesalahan trafik**



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Pencerobohan dua dekad
Muka Surat	:	23

Pencerobohan dua dekad

Kilang papan beroperasi di tanah kerajaan pernah terima 3 notis amaran kena roboh

* Oleh Norzamira Che Noh
 am@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Beroperasi sejak lebih 20 tahun lalu di atas tanah milik kerajaan di Jalan Jeti, dekat sini, akhirnya kilang papan itu dirobohkan menerusi operasi bersepadu semalam.

Operasi yang diketuai Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Klang itu turut dibantu oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Alam Sekitar (Jas), Lembaga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Air Selangor dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Penolong Pegawai Daerah (Teknikal dan Penguatkuasaan), Saiful Azri Mohd Fouzi berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk Taman Telok Gedung Indah berhubung aktiviti pembuangan sampah haram, pencemaran sungai dan pencemaran bau di atas



Ada kesan tapak pelupusan sampah lama, struktur binaan stor, rumah pekerja dan kilang papan turut dibina tanpa kebenaran

Saiful Azri

lot tanah itu pada November 2018.

"Siasatan ke atas tapak ini mendapati ada kesan tapak pelupusan sampah lama, struktur binaan stor, rumah pekerja dan kilang papan turut dibina tanpa kebenaran.

"Justeru, Pentadbir Tanah Klang sudah mengeluarkan Notis Amaran Pencerobohan Tanah Kerajaan bagi kesalahannya di bawah Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah Negara 1965 sebanyak tiga kali iaitu pada 4 Disember 2018, 15 Januari 2019 dan 3 Februari lalu kepada pemilik struktur untuk mengo-



PREMIS didapati masih menjalankan aktiviti seperti biasa ketika anggota penguat kuasa melakukan serbuan.

songkan tapak.

"Keluasan tanah dicero-boh adalah sekitar 4,418.8 meter persegi yang membabitkan binaan kilang papan (2,976.5 meter persegi), dan lain-lain binaan stor simpanan barang, rumah pekerja dan pondok sem-bahan (shrine)," katanya ketika ditemui pada operasi merobohkan struktur binaan tanpa kebenaran di sini semalam.

Turut hadir adalah Tim-balan Yang Dipertua MPK,

Elya Marini Darmin.

Saiful Azri berkata, beberapa siri perbincangan sudah diaturkan oleh pihak Pentadbir Tanah Klang bersama pengusaha sejak tahun 2018 bagi memberi ru-ang kepada pemilik struktur untuk mengosongkan tapak.

Katanya, kedudukan kilang berkenaan bercanggah dengan pelan Rancangan Tempatan (RT) MPK iaitu sebagai kawasan perumahan maka tiada sebarang



kebenaran pembinaan kilang boleh diberikan.

"Susulan itu, Pentadbir Tanah Klang mengeluarkan Notis Peringatan terakhir pada 3 Februari bertempoh 14 hari kepada pemilik struktur untuk mengo-songkan tanah kerajaan berkenaan.

"Bagaimanapun, sehingga kini pemilik struktur masih ingkar dan enggan mengosongkan tapak justeru ia membawa kepada pelaksanaan operasi pada hari ini. Pemilik juga ber-depan tindakan kompaun oleh Pentadbir Tanah Klang," katanya.



OPERASI bersepadu merobohkan struktur kilang papan yang beroperasi di tanah milik kerajaan di Jalan Jeti, Pelabuhan Klang.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
12 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	'Kehilangan' Nur Sajat cetus misteri
Muka Surat	:	9

Usahawan kosmetik masih gagal dikesan selepas lebih dua minggu diburu JAIS

'Kehilangan' Nur Sajat cetus misteri

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM - Usaha untuk mengesan usahawan kosmetik kontroversi, Nur Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad Kamaruzzaman masih gagal menemui jawapan walaupun waran tangkap telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah di sini sejak 23 Februari lalu.

Situasi itu sekali gus menimbulkan persoalan mengenai lokasi sebenar persembunyian Nur Sajat yang mengelak daripada ditangkap Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Sumber berkata, pihaknya bagaimanapun yakin individu itu masih berada di Malaysia ekoran larangan untuk ke luar negara.

"Setakat ini, tiada tangkapan dilakukan, namun kita yakin dia (Nur Sajat) masih berada di negara ini," katanya ringkas ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Ketika ditanya alasan mengapa Nur Sajat menyembunyikan diri, sumber bagaimanapun enggan mengulas lanjut.

Sementara itu, seorang lagi sumber berkata, kehilangan Nur Sajat mungkin dipengaruhi trauma susulan pernah dipenjarakan

sebelum ini di Pusat Tahanan Sementara (PTS) Kuala Kubu Bharu.

Penahanan tersebut dilakukan pada 6 Januari lalu, namun Nur Sajat mendakwa tindakan itu adalah tidak wajar selepas dia memberikan keterangan dan kerjasama yang sepatutnya kepada pihak JAIS.


"Berkemungkinan hukuman penjara itu amat ditakuti oleh Nur Sajat.

"Tindakannya mengeluarkan kenyataan menerusi video ingin keluar daripada Islam juga telah merumitkan lagi keadaan," jelasnya.

Dalam pada itu, tinjauan Kosmo! di laman rasmi Instagram Nur Sajat mendapati akaun individu berkenaan telah diaktifkan semula selepas dinyah aktif sebelum ini.

Bagaimanapun, tiada sebarang gambar atau status terbaharu dimuat naik oleh usahawan kosmetik itu dengan paparan terakhir adalah pada 27 Februari lalu yang memaparkan wajahnya diacu dengan pelbagai pistol.

Sebelum ini, Nur Sajat yang tidak lekang daripada kontroversi membuat kejutan apabila seolah-olah berniat mahu menukar



agama melalui rakaman sebuah video berdurasi 1 minit 48 saat.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan tarikh video itu dimuat naik sama ada ia video baharu atau lama.

Penulisan video itu kemudian mendapat perhatian ramai pihak termasuk Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof yang

menasihati individu itu agar sedar dan segera bertaubat.

Pada 23 Februari lalu, Mahkamah Tinggi Syariah di sini mengeluarkan waran tangkap ke atas Nur Sajat selepas individu itu gagal hadir ke mahkamah bagi prosiding sebutan semula kes berpakaian menyerupai wanita.

Terdahulu, Nur Sajat pada 6 Januari mengaku tidak bersalah



KERATAN Kosmo! 1 Mac 2021.

di hadapan Hakim Syarie Mohamad Khalid Shae'e atas pertuduhan berpakaian menyerupai wanita dalam majlis bacaan Ya-sin dan solat hajat sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Kesalahan itu dilakukan di Nursajat Beautician, Seksyen 16 di sini pada pukul 7.30 malam, 23 Februari tahun lalu.

Jika disabit kesalahan boleh didenda maksimum RM5,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 10 (a) Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.

Nur Sajat kemudian dibenarkan ikat jamin sebanyak RM3,000.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang papan 'degil' dirobohkan
Muka Surat	:	14

Premis beroperasi 20 tahun disyaki cemar sungai, buang sampah haram

Kilang papan 'degil' dirobohkan

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

KLANG – Tindakan degil pengusaha sebuah kilang papan yang didapati terus beroperasi di atas dua lot tanah milik kerajaan selama 20 tahun di Jalan Jeti Pelabuhan Klang di sini berakhir apabila premis itu dirobohkan pihak berkuasa semalam.

Operasi perobohan itu dilakukan pukul 10 pagi terhadap kilang yang disyaki turut terlibat dalam kegiatan pembuangan sampah haram, pencemaran sungai dan bau pada November 2018.

Penolong Pegawai Daerah Klang (Teknikal dan Penguat kuasaan), Mohamad Saiful Azri Mohd. Fouzi berkata, siasatan mendapati, keseluruhan tanah yang diceroboh seluas 0.7 hektar bagi pembinaan kilang papan, binaan stor, rumah pekerja serta pondok sembahsan.

Kata beliau, pihaknya sebelum ini telah mengeluarkan tiga



SEBUAH kilang papan haram dirobohkan pihak berkuasa di Jalan Jeti Pelabuhan Klang, Klang semalam.

Notis Amaran Pencerobahan Tanah Kerajaan pada 4 Disember 2018, 15 Januari 2019 dan 3 Februari 2021 mengikut Seksyen 425 dan 426A Kanun Tanah

Negara (KTN) 1965.

"Bagaimanapun, pemilik kilang rakyat tempatan itu didapati terus berdegil untuk tidak merobohkan struktur binaan di

tanah tersebut walaupun telah mendapat tiga notis berkenaan.

"Mereka menggunakan program pemutihan yang beberapa kali diadakan kerajaan negeri

sejak 2008 dan berakhir hujung tahun lalu sebagai alasan untuk berpindah, tapi masih tidak berbuat demikian," katanya kepada pemberita.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Aleya Marini Darmin memberitahu, tanah diceroboh kilang itu sepatutnya didirikan kawasan perumahan atau penempatan sesuai dengan Pelan Rancangan Tempatan MPK.

"Sepatutnya setiap binaan yang didirikan memerlukan Kebenaran Merancang daripada MPK, namun perkara ini gagal dilakukan oleh pihak pemilik.

"Pemilik kilang tersebut dan mereka yang bersubahat boleh berdepan penjara sehingga lima tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya mengikut Seksyen 425 dan 426A KTN sekiranya disabitkan kesalahan," ujarnya.



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	20 peluk Islam lepas lawat PIIMAS
Muka Surat	:	15

20 peluk Islam lepas lawat PIIMAS

SHAH ALAM – Pusat Informasi Islam Majlis Agama Islam Selangor (PIIMAS) di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, mencapai objektif penubuhannya apabila seramai 20 individu memeluk Islam di pusat itu sejak dua tahun lalu.

Kesemua individu termasuk enam pelancong asing itu melafazkan kalimah syahadah selepas tertarik dengan keindahan Islam secara visual dan infografik yang disediakan.

Pengarah Pembangunan Sosial Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Suhaimi Ismail berkata, pusat itu sudah menerima kehadiran seramai 14,450 pelancong asing sejak mula beroperasi pada 2016.

Ujarnya, daripada jumlah itu, kira-kira 70 peratus terdiri daripada pengunjung bukan Islam yang rata-ratanya pelancong Jepun, China, Taiwan dan Amerika Syarikat.

"Alhamdulillah, usaha kami untuk menyebarkan ajaran dan syiar Islam diterima baik enam pelancong luar negara yang memeluk Islam sejurus menyertai lawatan disediakan.

"Sejak 2019, seramai 14 pen-

duduk tempatan terdiri daripada pelbagai kaum atau agama turut melafazkan syahadah di pusat berkenaan," katanya pada sidang akhbar di PIIMAS semalam.

Tambah Suhaimi, pihaknya melantik Islamic Outreach ABIM Centre (IOAC) untuk menguruskan pusat itu termasuk proses pengislaman saudara baharu berkenaan.

"Selepas melafazkan syahadah, kesemua warga tempatan akan dirujuk kepada MAIS untuk proses pendaftaran. Manakala pelancong asing dinasihatkan mendaftar agama baharu dengan pertubuhan bukan kerajaan Islam di negara masing-masing," jelasnya.

Mengulas mengenai pusat itu, beliau berkata, pusat rujukan hasil inisiatif MAIS itu turut bertujuan menangani Islamophobia dan mengurangkan salah tanggapan terhadap Islam.

"Selain sesi lawatan, aktiviti yang dilaksanakan antaranya soal jawab mengenai Islam, diskusi ilmiah, majlis syahadah, kelas Al-Quran dan Bahasa Arab," jelasnya.



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kilang papan beroperasi secara haram diroboh
Muka Surat	:	27

FOTO: BERNAMA



Kerja-kerja merobohkan kilang kayu dan papan, stor penyimpanan serta kediaman pekerja dilakukan dalam operasi di Jalan Jeti, Pelabuhan Klang pada Khamis.

Kilang papan beroperasi secara haram diroboh

KLANG - Sebuah kilang papan yang beroperasi secara haram lebih 20 tahun di tanah kerajaan di Jalan Jeti, Pelabuhan Klang di sini dirobohkan menerusi satu operasi bersepadu agensi kerajaan negeri.

Operasi bersepadu yang diketuai oleh Pejabat Daerah dan Tanah Klang itu turut disertai antaranya petugas Majlis Perbandaran Klang (MPK), polis, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan ia merupakan kilang pertama dirobohkan di Klang tahun ini.

Penolong Pegawai Daerah Klang (Teknikal dan Penguatkuasaan), Mohamad Saiful Azri Mohd Fauzi berkata, operasi dijalankan setelah pihaknya menerima aduan daripada penduduk di Taman Teluk Gedung Indah dekat sini susulan aktiviti pembuangan sampah, pencemaran sungai dan bau pada November 2018.

"Siasatan di tapak itu mendapati terdapat kesan pelupusan sampah lama, struktur binaan stor, rumah pekerja dan kilang papan yang telah dibina di atas tapak (tanah kerajaan) tanpa kebenaran," katanya selepas

operasi perobohan itu pada Khamis.

"Pentadbir Tanah Klang telah mengeluarkan notis amaran tiga kali iaitu pada 4 Disember 2018, 15 Januari 2019 dan 3 Februari lepas kepada pemilik untuk mengosongkan tapak," tambahnya.

Mohamad Saiful Azri berkata, perobohan struktur kilang di tanah kerajaan itu melibatkan satu gudang stor simpanan barang, satu binaan kilang papan, dua rumah pekerja dan satu pondok sembah.

Katanya, sejak 2018 pihaknya telah mengaturkan perbincangan bersama pengusaha bagi memberi ruang kepada pemilik struktur untuk mengosongkan tapak.

"Memandangkan kedudukan kilang bercanggah dengan pelan Rancangan Tempatan (RT) MPK iaitu sebagai kawasan perumahan, maka tiada sebarang kebenaran pembinaan kilang boleh diberikan.

Susulan itu, Pentadbir Tanah Klang mengeluarkan notis peringatan terakhir pada 3 Februari lalu, namun sehingga kini pemilik masih ingkar dan enggan kosongkan tapak. - *Bernama*



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	The Sun
Tajuk Berita	:	Plans for RM1.3b mixed project on Section 13 PJ land
Muka Surat	:	11

Plans for RM1.3b mixed project on Section 13 PJ land

PETALING JAYA: UEM Sunrise Bhd has set its sights on building a mixed commercial development on the land in Petaling Jaya it has acquired from Dutch Lady Milk Industries Bhd for RM200 million.

It entered into a conditional sale and purchase agreement with Dutch Lady via its wholly owned subsidiary, UEM Land Bhd, for the three parcels of land measuring 9.93 acres which housed the latter's factories and warehouse facilities.

According to the group's preliminary plans, the development will complement the ongoing redevelopment efforts to turn the entire Section 13 into a commercial hub.

It said the project is slated to launch in the next two to three years with an estimated gross development value (GDV) of RM1.3 billion.

The acquisition marks UEM Sunrise's first project in Petaling Jaya.

Its CEO, Suffian Abdullah, commented that

the planned development complements its ongoing efforts to rebalance its portfolio and increase its foothold in the Klang Valley.

"It has been our growth plans to intensify our focus in key and strategic lands that can be tapped and provide a quick turnaround," he said in a press release.

"What attracted us most about this land is its location within the Draft Special Area Plan Section 13 Petaling Jaya identified by Majlis Bandaraya Petaling Jaya to redevelop the area into a commercial hub as part of its urban renewal efforts."

Furthermore, Suffian pointed out that given the land's proximity to the central business district and education hub, the group wants to

accommodate first-time home buyers, young or small families and those looking for investment opportunities.

Last year, it purchased a 11.45-acre plot in Taman Pertama, Cheras, within the vicinity of the Taman Pertama MRT station.

UEM Sunrise stated that the land has been earmarked for a mixed high-rise development comprising about 2,400 apartment units with an estimated GDV of RM1.1 billion and is expected to be launched towards the end of this year.

With the latest addition, its total landbank stands at 11,092.8 acres, amounting to RM107.9 billion in GDV.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	China Press
Tajuk Berita	:	The government is urged to set up tourism data bank, to strengthen government-civilian cooperation and share unified information
Muka Surat	:	17

(吉隆坡11日讯) 大马投银研究认为, 即便是经济开始复苏, 相比其他领域, 旅游业需要更长的时间复原, 因此政府是时候设立旅游业数据库 (tourism data bank), 加强官民合作, 为旅游业创造更多经济价值。

报告指出, 所谓的旅游业数据库是收集了所有旅游及相关业务的详细资讯, 无论是来自行业、地方议会、州属或国家层面的讯息。而这些资讯与讯息必须由国家层面协调及统一, 并与各阶层分享, 包括市场业者。

该行认为, 拥有一个统一且健全的旅游数据库将会为国家经济带来直接与间接的效益。同时, 此数据库也有助于政策决策者及商家寻找出更多的解决方案应对疫情所带来的问题。

有助解决的问题包括可在旅游业创造暂时性的就业机会, 这样一来即可避免更多人失业、市场内的新需求可迫使员工提升技能或学习新技能, 以及重新雇用因早前失去工作而转换跑道前往不相关行业 (例如当Grab司机) 的人才。

官民合作分享統一資訊 政府受促設旅遊業數據庫

有利解決當前問題

大马投银研究认为, 这场前所未有的疫情灾难也正好给了旅游业一次“重生”的机会, 复苏并走向一个持续性更强及更稳健的发展模式。

“因此, 我们认为现在设立一个健全完整的旅游业数据库的时机已成熟。”

报告指出, 即便是各国重新开放, 旅游业的营运模式也不能再和从前一样, 因为新常态下, 除了民众对卫生意识的提高, 还有趋向数码化的日常, 业者不得不改变他们固有的营运模式。

为此该行认为, 在准备就绪的同时, 旅游业者有必要从各层面上重新思考, 包括行销策略、(热门景点) 如何控管人流量、如何惠及当地居民、善用数码科技等等。



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021		
Akhbar	:	Sin Chew Daily
Tajuk Berita	:	Illegal wood factory finally dismantled after operating on government land for over 20 years
Muka Surat	:	2

(巴生11日讯) 从非法租借土地到占为己有，一家非法板厂占用政府地违例运作逾20年，最终遭到拆除！

这也是巴生县首间在“不合格工厂漂白计划”结束后，被执法队夷为平地的非法工厂。

在非法营业的期间，该工厂早前不断利用工厂漂白计划浑水摸鱼，直到被揭发为非法工厂和制造污染问题后，依然无视土地局多次的警告。



土地局连同各单位执法队，直接拆除霸占政府地段的一家板厂。

侵佔政府地運作逾20年

非法板廠 終拆了



佔用河岸保留地建宿舍



1. 一家板厂被揭发非法霸占政府保留地，甚至被指制造垃圾、水源污染及空气污染问题。
2. 莫哈末赛夫（右起）和艾丽雅带领执法队，指挥拆除非法工厂的工作。
3. 一家木板厂霸占河岸保留地兴建员工宿舍，在屡次不听劝告的情况下，执法队唯有出动神手拆除宿舍。

非法板厂坐落在巴生港口杰道路的空地处，所占用的地段约4418平方呎，除了非法建设主工厂外，还扩建仓库以囤放木材，同时也占用河岸保留地兴建员工宿舍及设神龛等。

尽管巴生县土地局多次和厂方对话，但对方依旧无视警告也不愿意搬迁，土地局唯有联系其他执法单位，今日直接登门将工厂拆除。

参与拆除行动的单位包括巴生市议会、警方、环境局、水利灌溉局、雪州水务管理公司（Air Selangor）、雪州水务管理机构（Luas）及国能等。

土地局：廠家無視多次警告

巴生县土地局局长莫哈末再纳披露，该局是在2018年接获居民的投诉，指杰道路板厂涉嫌非法处理垃圾、污染河流及空气的问题。

他说，经该局展开调查，发现该厂是霸占政府地段后，就援引1965年土地法典第425条文和第426A条文，各别于2018年12月、2019年1月及2021年2月，向厂方开出警告信。

“自2018年起，土地局就和对方展开多次的会谈，要求对方自行清空所霸占的政府地段，可是对方依旧冥顽不灵，所以执法队唯有展开行动。”

他说，任何人非法侵占政府地，抵触上述2条法令，一旦罪成，可以被判罚款不超过50万令吉，监禁不超过5年，或两者兼施。

莫哈末再纳的声明是由该局副局长莫哈末赛夫（执法）代读，同时也由赛夫主持新闻发布会和带领展开拆除行动。

谈及非法租借土地一事，莫哈末赛夫指执法队也会向“出租者”展开调查的工作。

巴生市會：工廠沒規劃准證

巴生市议会秘书艾丽雅指出，该工厂除了触犯1965年土地法典外，也违反市议会多项条例，包括建筑物没有获得批准和规划准证。

她说，其实所霸占的政府地段是属于住宅区保留地，而毗邻就是工业区，但厂主不愿意在工业区内合法设厂。

“如果对方想要继续运作，就应该搬迁至隔壁的工业区或是寻找合适地点，通过合法的途径经营板厂。”

她说，根据所获的消息，工厂已非法运作逾20年，直到2015年展开普查时才发现此非法板厂。

利用工厂漂白计划当借口

“可是，厂方不断利用工厂漂白计划为借口，导致执法单位迟迟无法展开行动，如今随着漂白计划已结束，执法单位就直接针对依旧违法的工厂，展开拆除行动。”

此外，她说，根据市议会的资料，巴生共有逾800间不合格工厂，惟仅有300多间响应政府推动的工厂漂白计划。



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021		
Akhbar	:	Nanyang Siang Pau
Tajuk Berita	:	Occupying government land for more than 20 years and ignoring the warning, enforcement team razed illegal slab factory
Muka Surat	:	2

(巴生 11 日讯) 非法板厂霸占政府地逾 20 年，被揭发后，还无视土地局 3 次警告，“借”工厂漂白计划瞒天过海，而随着漂白计划终止后，执法大队今早拉大队展开拆除行动！

该板厂是漂白计划截止后，巴生县首间被夷为平地的非法工厂。该板厂约 4418 平方公尺，多年来也非法处理垃圾，还污染河流和制造空气污染等。

巴生县土地局局长莫哈末再纳指出，该板厂位于巴生港口杰迪路 (Jalan Jeti)，土地局是于 2018 年，接获附近居民投报。

他说，该厂建在河边，非法侵占政府保留地，还不断扩

霸政府地逾 20 年无视警告 执法队夷平非法板厂

充兴建厂房、货仓、神龛、员工宿舍等。

“根据居民投诉，厂方也没有妥善处理垃圾，导致河流污染，工厂还经常发出难闻臭味。”

他说，该局已经根据 1965 年土地法典第 425 条文和第 426A 条文，分别在 2018 年 12 月、2019 年 1 月及 2021 年 2 月，发出 3 次警告，下令厂主自行清空有关地段，惟没有受到理会。

他指出，自 2018 年开始，土地局与厂方也展开多次



执法人员展开拆除行动，所有违章建筑皆夷为平地。

对话，厂方辩称是向他人租地，该局给予厂方多次机会，无奈厂方却冥顽不灵，没有珍惜机会。

他说，该

厂的所有建筑结构，都会在今

天拆除，该局也会开罚单。今日参与的执法单位，还有巴生市议会、警方、环境

局、水利灌溉局、雪兰莪供水公司、雪州水供管理机构、国能等。



非法板厂占地约 4418 平方公尺，已经占用政府地逾 20 年。

巴生 114 违例厂接罚单警告信

巴生县土地局迄今一共对 114 间违例工厂，开出罚单和警告信，若厂主爱理不理，拆除行动将陆续展开。

莫哈末再纳也说，任何人非法侵占政府地，抵触上 2

条法令，一旦罪成，可以被判罚款不超过 50 万令吉、监禁不超过 5 年、或两者兼施。莫哈末再纳的声明，由该局副局长莫哈末赛夫阿兹里代读，并由后者协助召开记者会。

拿漂白计划当挡箭牌

巴生市议会副主席兼秘书艾丽雅指出，该政府保留地属于住宅区保留地，其实毗邻就是工业区，但是厂主却不愿意在一路之隔的合法地段建厂。

他说，该厂的所有建筑是没有获得市议会批准，没有规划准证。

“据了解，该厂已非法运作 20 年，直到 2015 年展开

普查时，才发现该间非法板厂。”

但是，她说，基于该厂以州政府工厂漂白计划为“挡箭牌”，导致当局无法立刻展开行动，惟如今该计划已经终止，该厂也没有合法化，因此执法单位决定展开拆除行动，以儆效尤。

她也说，巴生地区一共有逾 800 间不合格工厂，约有 300 多间已经参与漂白计划，其余不合格工厂将被对付。



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021		
Akhbar	:	Nanyang Siang Pau
Tajuk Berita	:	Two-way communication promotes investment
Muka Surat	:	15

双向沟通促进投资



马来西亚陕西总商会一行人到访，听了汇报恍然大悟：“原来有这么一家机构可以提供全面咨询，协助我们解决投资方面的困惑和难题。”

投资促进机构 (Investment Promotion Agencies, IPA) 是一个国家或地区为有效促进双向投资而成立的专业化公共服务组织，主要任务是将投资资金吸引到一个国家、州属、地区或城市。一般而言，投资促进机构具有四个核心功能：外国直接投资所在国的形象塑造、促成投资，项目管理和售后服务。

在我国，主要的投资促进机构是隶属马来西亚国际贸易工部 (MITI) 的马来西亚投资发展局 (MIDA)，该局掌握着投资奖掖的主权和审批生产许可证，除了在 12 州设立办事处之外，在海外也有 20 个办事处。另外，国内 13 州各有专属的投资促进机构，致力展示其州属的优势和商机，积极招揽国内和海外投资者，为投资者提供咨询。可惜的是，基于种种因素，一些海外投资者跨出国境的第一个联系人，未必是投资促进机构，并且在资讯不足的情况下，走了不少冤枉路，有的更是失望地拂袖而去。

在会议上，陕西总商会会员一吐为快。入乡问俗，如果不了解国情，没有依照规定而走捷径或疏忽一个重要环节的话，就会埋下祸根成梦魇。他们也非常关注员工的课题，认为员工的培训不仅仅是技术层面，在企业文化方面，也面对文化差异的挑战。

雪兰莪投资促进机构专注 5 大核心领域，以制造业为主，服务业为辅。我们有两个团队专司促成投资和售后服务，双管齐下，致力协助投资者在雪州落户拓展业务，包括投资前提供全面的咨询和投资资讯，在 14 个工业园区中，推荐适合的选址供业者考量，并在促成投资后，构建平台让面对难题的业者，可以在雪州行政议员兼工商常务委员会主席拿督邓章钦主持的常月会议中，跟相关政府单位当面沟通解决问题。

招商引资各显神通

我国 13 个州属各有优势和弱点。投资促进机构在招商引资方面各显神通，然而万变不离其宗，也就是务实坦诚，正确指引投资者有所为有所不为。投资是长期的承诺，朝令夕改、出尔反尔是大忌，阻吓外资的不外乎政局动荡、项目被迫中断，惨遭池鱼之殃。

投资促进机构的核心本质是服务，为潜在和现有投资企业做好服务和管理工作，以吸引国内和海外企业扩大投资。统一投资奖掖，加大投资促进机构之间的合作，一来可避免恶性竞争，二来协同资源提供更周全的服务范畴，招商引资才能真正惠国惠民。

被誉为“马来西亚黄金州”的雪州，将大部分“黄金”贡献给全国。2019 年数据显示，全国经济成长率 4.3%，雪州经济成长率 6.7%，雪州贡献全国国民生产总值高达 24.2%。招商引资不忘优化工业生态协调发展，点对点连接成线，再铺成面，期许企业在基础设施和供应链的附加价值中，立足雪州，放眼全球。



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 March 2021

Akhbar	:	Oriental Daily
Tajuk Berita	:	Cooperate with Umno, start from MCA
Muka Surat	:	26



杨善勇
 •城市规划师
 时事评论人

仅供参考

和巫统合作，从马华入门

政治跌宕起伏，没有绝对的朋友，只有永恒的糖麸，好处就是硬道理。如何决定分合，怎么指引来往，玄机在此。理解这点，自可明白为何行动党秘书长林冠英坦言，党准备与巫统合作云云。

显然的是，这是经历绊倒霹雳大臣，行动党领导借用「人民的利益」之名的二度试探。信不信由你，译作白话文，可见这些做官迷所期待的是：一旦酝酿多时的撞门酒发酵，自可举杯欢庆了。

尽管如此，阻力有四：一、「人生自古谁无死，留取蛋清照中心」的广大拥趸，难以接受本党的反覆。二、党内草根基层，也不一定认可战线翻转。三、巫统派系，亦有不同的声音。四、希盟最高理事会各有所思，也未必认同。

评估政局，斟酌民心，怎么办呢？加入马华公会，也许是个替代选项。既然n年宿敌的巫统，都能搂搂抱抱；同胞之党，自然亦可相亲相爱。何况，党章修订，马华门户开放，非华裔都能成为附属党员。

而且，融入马华，也就顺势扫清巫统死硬派的百般阻扰。蓝眼分裂，变本加厉，安华自顾不暇，不必给脸。剩下的那点障碍，只有党内党外零星星星不知好歹的顽固分子。

但是，火箭B队，如今根本不成气候：马六甲沈吴林陈四君子退党，巫程豪医生已遭冷冻，梁卓经律师被令开除，常不听话的邓章钦非常识趣赶紧提前宣布裸退，深得民望的丘光耀也黯然转身。这个党，还有异议吗？

什么都可以抛弃，什么也不能忘记；大选你说的话，都只是你的淘气。再说，魏总有言：马华识才、爱才、用才；火箭的天才加入，必得重任。可惜，民意不买单，林冠英只好收回。话才说完，安华偏向巫统伸出橄榄枝，进退两难，格外尴尬。



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

12 March 2021

Akhbar	:	Guang Ming Daily
Tajuk Berita	:	A 20 years of illegal wood mills is razed, was found polluting the environment, but ignore warnings
Muka Surat	:	5

污染环境 無視警告 20年非法木廠夷平

(巴生11日讯) 一家非法木厂占用政府地违例运作逾20年，在非法营业的期间，该工厂早前不断利用工厂漂白计划浑水摸鱼，直到被揭发为非法工厂和制造污染问题后，可还是无视土地局多次的警告，最终该厂被执法队夷为平地。

这也是巴生县首间在“不合格工厂漂白计划”结束后，被执法队夷为平地的非法工厂。

这间木厂坐落在巴生港口杰迪路的空地处，所占用的地段约4418平方尺，除了非法建设主工厂外，还扩建仓库以囤放木材，同时也占用河岸保留地兴建员工宿舍

及设神龛等。

尽管巴生县土地局多次和厂方对话，但对方依旧无视警告也不愿意搬迁，土地局唯有联合其他单位执法队，包括巴生市议会、警方、环境局、水利灌溉局、雪州水务管理公司 (Air Selangor)、雪州水务管理机构 (Luas) 及国能等，今日直接登门将工厂拆除。

针对上述事件，巴生县土地局局长莫哈末再纳说，该局是在2018年接获居民的投诉，指杰迪路板厂涉嫌非法处理垃圾、河流污染及空气污染的问题。

“经该局展开调查，发现该厂是霸占政府地段后，就



■执法人员到场取缔，并将非法木厂拆除。

援引1965年土地法典第425条文和第426A条文，各别于2018年12月、2019年1月及2021年2月，向厂方开出警告信。”

他指出，土地局从2018年起，就和对方展开多次的会谈，要求对方自行清空所霸占的政府地段，可是对方依旧冥顽不灵，所以执法队唯有展开行动。

莫哈末再纳强调，任何人非法侵占政府地，抵触上诉2条法令，一旦罪成，可以被判罚不超过50万令吉，监禁不超过5年，或两者兼施。

他的声明是由该局副局长莫哈末赛夫 (执法) 代读，同时也由赛夫主持记者会和带领展开取缔行动。(TSI)